

**JANAAN KERANGKA MODEL EMOSI WATAK
PROTAGONIS WANITA BERKELUARGA
BEKERJAYA BERDASARKAN ANALISIS
EMOSI DALAM NOVEL POPULAR DAN
REALITI**

NUR ATIQ SYAHIRAH BINTI CHE BAHARUDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022


**JANAAN KERANGKA MODEL EMOSI WATAK PROTAGONIS WANITA
BERKELUARGA BEKERJAYA BERDASARKAN ANALISIS EMOSI
DALAM NOVEL POPULAR DAN REALITI**

**NUR ATIQ SYAHIRAH BINTI CHE BAHARUDIN
M20161000345**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MOD PENYELIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپسي قديدين سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITYSila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada²¹(hari bulan).....^{JULAI} (bulan) 20.....²¹

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR ATIQ SYAHIRAH BINTI CHE BAHARUDIN, M20161000345, FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk JANAAN EMOSI WANITA BERKELUARGA BEKERJAYA BERDASARKAN ANALISIS EMOSI DALAM NOVEL POPULAR DAN REALITI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, NORDIANA BINTI HAMZAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk JANAAN EMOSI WANITA BERKELUARGA BEKERJAYA BERDASARKAN

ANALISIS EMOSI DALAM NOVEL POPULAR DAN REALITI
(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAAN MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

21 JULAI 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. NORDIANA BT HAMZAH
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
"[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"**

Tajuk / Title: **JANAAN KERANGKA MODEL EMOSI WATAK
PROTAGONIS WANITA BERKELUARGA
BEKERJAYA BERDASARKAN ANALISIS EMOSI
DALAM NOVEL POPULAR DAN REALITI**

No. Matrik /Matric's No.: **M20161000345**

Saya / I : **NUR ATIQ SYAHIRAH BINTI CHE BAHARUDIN**
mengaku membenarkan [Tesis/Disertasi/Laporan-Kertas-Projek] (Doktor-Falsafah/Sarjana)*
ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan
syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan
Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran
antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori
TIDAK TERHAD.
The Library is not allowed to make any profit for „Open Access“ Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Co restricted information as specified by the organization research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelaiar/ Signature)
Tarikh: 5/11/2022

DR. NORDIANA BT HAMZAH
Pensyarah Kanan
Pabuti Bahasa dan Komunikasi

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
&(Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kerana memberkati saya sepanjang masa sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini. Walaupun menghadapi beberapa kesukaran, tetapi akhirnya saya berjaya juga untuk menyiapkan tesis ini dengan sebaik mungkin.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr.Nordiana Binti Hamzah. Beliau banyak memberikan bimbingan dan teguran serta tunjuk ajar kepada saya sehingga dapat menyelesaikan tesis ini dengan jayanya. Tanpa teguran dan bimbingan yang baik daripada beliau sudah tentu tesis yang saya laksanakan ini tidak dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Seuntai kasih sekalung budi turut diabadikan buat semua pensyarah kesusasteraan Melayu yang telah banyak mencurahkan bakti dan memberikan tunjuk ajar serta memberi ilmu yang tidak ternilai sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sesungguhnya, segala ilmu yang dicurahkan amat berguna dan saya amat menghargainya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga terutamanya Umi dan Abah yang banyak berjasa dan sentiasa memberi sokongan yang berterusan kepada saya dalam meneruskan perjuangan ini. Tidak lupa juga kepada suami yang sentiasa menemani saya dalam urusan pembelajaran sehingga mencapai kejayaan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas budi baik dan jasa kalian semua.



ABSTRAK

Kajian ini membincangkan emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel popular dengan wanita bekerjaya berkeluarga. Terdapat empat buah novel popular yang menjadi bahan kajian iaitu novel *7 Hari Mencintaiku* (Siti Rosmizah), *Suri Hati Mr. Pilot* (Dila Dyna), *Adam dan Hawa* (Aisya Sofea) dan *Dekatnya Cinta* (Aisya Sofea). Keempat-empat novel tersebut dipilih berdasarkan ciri-ciri popular iaitu mendapat permintaan yang tinggi dan telah diadaptasi ke dalam bentuk drama televisyen. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel popular, merumuskan emosi dan helah bela diri watak protagonis wanita yang terdapat dalam novel popular serta persamaan dan perbezaan dengan wanita dalam kehidupan sebenar. Akhirnya menjana model emosi wanita bekerjaya berkeluarga. Kajian ini menggunakan Teori Gabungan (Nordiana Hamzah), Teori Psikoanalisis (Sigmund Freud) dan Teori Rasa Fenomenologi (Sohaimi Abdul Aziz). Ketiga-tiga teori tersebut merupakan pegangan dalam menganalisis emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel popular. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengenal emosi dan helah bela diri wanita berkeluarga bekerjaya secara realiti. Hasil dapatan daripada pembinaan jadual emosi, kajian ini mendapati terdapat 12 jenis emosi watak protagonis wanita dalam novel popular. Antaranya ialah emosi kasih, emosi malu, emosi riang, emosi sedih, emosi takut, emosi hairan, emosi marah, emosi jijik, emosi tenaga, emosi dendam, emosi dengki, dan emosi simpati. Namun, hanya sembilan emosi sahaja yang selari dengan emosi wanita bekerjaya berkeluarga masa ini. Helah bela diri watak protagonis wanita dalam novel pula terdapat 10 jenis. Antara helah bela diri tersebut ialah, sublimasi, rasionalisasi, projeksi, introjeksi, pembentukan reaksi, fantasi, represi, penafian, agresia dan regresi. Namun, hanya satu HBD (helah bela diri) sahaja yang berada paling hampir dengan wanita realiti, dua HBD yang berada di gelung kedua, lima HBD di gelung ketiga, dua HBD yang berada di gelung keempat dan dua HBD yang berada di gelung terakhir. Hal ini menunjukkan bahawa semakin jauh gelung daripada bulatan HBD, semakin kurang persamaan HBD yang diambil oleh wanita bekerjaya berkeluarga dalam realiti. Kesemua dapatan tersebut merupakan bahan kajian utama dalam pembentukan model emosi dan helah bela diri wanita bekerjaya berkeluarga.

ABSTRACT

This study discusses the emotions and self defense tricks of the protagonist characters in popular novels with working women in a family. There are four popular novels that are the study material, namely the novel *7 Hari Mencintaiku* (Siti Rosmizah), *Suri Hati Mr. Pilot* (Dila Dyna), *Adam dan Hawa* (Aisya Sofea) and *Dekatnya Cinta* (Aisya Sofea). The four novels were selected based on popular features that are in high demand and have been adapted in the form of television dramas. The purpose of this study was to identify the emotions and self defense tricks of the protagonist characters in popular novels, summarize the emotions and self defense tricks of the female protagonist characters found in popular novels as well as similarities and differences with women in real life. Finally generating an emotional model of a working woman with a family. This study uses Combined Theory (Nordiana Hamzah), Psychoanalytic Theory (Sigmund Freud) and Phenomenological Sense Theory (Sohaimi Abdul Aziz). All three theories are the holdings in analyzing the emotions and self defense tricks of the protagonist characters in popular novels. Questionnaire instruments were used to identify the emotions and self -defense tricks of working women in reality. Findings from the construction of the emotional table, this study found that there are 12 types of emotions of female protagonist characters in popular novels. Among them are emotions of love, emotions of shame, emotions of joy, emotions of sadness, emotions of fear, emotions of wonder, emotions of anger, emotions of disgust, emotions of energy, emotions of revenge, emotions of envy, and emotions of sympathy. However, only nine emotions are in line with the emotions of working women with families today. There are 10 types of martial tricks of the female protagonist in the novel. Among the martial tricks are, sublimation, rationalization, projection, introjection, reaction formation, fantasy, repression, denial, aggression and regression. However, only one HBD (self defense trick) was closest to the reality woman, two HBDs were in the second loop, five HBDs were in the third loop, two HBDs were in the fourth loop and two HBDs were in the last loop. This suggests that the farther the loop is from the HBD circle, the less HBD similarities are taken by married working women in reality. All of these findings are the main research material in the formation of emotional models and self -defense tricks of working women with families.

**SENARAI KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Skop Kajian	14
1.6.1	Batasan Bahan	15
1.6.2	Batasan Aspek	16
1.6.3	Peringkat Umur	18
1.6.4	Pemilihan Pengarang	20
1.7	Kepentingan Kajian	25
1.8	Metodologi	27



1.8.1	Kajian Kepustakaan	27
1.8.2	Kajian tinjauan	28
1.9	Definisi Operasional	30
1.9.1	Realiti	30
1.9.2	Emosi	32
1.9.3	Wanita	34
1.9.4	Novel	37
1.9.5	Kehidupan	39
1.9.6	Helah bela diri	40
1.9.7	Watak	42
1.9.8	Novel Popular	42
1.9.9	Korelatif Objektif	44
1.10	Organisasi Tesis	45
1.11	Rumusan	46

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	47
2.2	Teori Rasa-fenomenologi	48
2.3	Psikoanalisis Sigmund Freud	53
2.4	Kajian Tentang Emosi	58
2.5	Kajian Terhadap Novel Popular	64
2.6	Kajian Terhadap Pengarang Pilihan	70
2.7	Kesimpulan	72

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.2.1	Kajian Kepustakaan	78

3.2.2	Kaedah Analisis Kandungan	79
3.2.3	Penggunaan Teori Rasa-Fenomenologi dan Psikoanalisis Freud Adaptasi Nordiniana Hamzah	80
3.2.4	Kajian Tinjauan	85
3.3	Sampel Kajian	86
3.3.1	Pemilihan Sampel	86
3.3.2	Teknik Pensampelan	87
3.3.3	Peranan Sampel	88
3.4	Lokasi Kajian	88
3.5	Instrumen Kajian	89
3.5.1	Analisis Teks Emosi Watak Protagonis	90
3.5.2	Analisis Teks Helah Bela Diri	100
3.5.3	Soal Selidik	105
3.6	Kesahan dan Kebolehppercayaan	121
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	124
3.8	Rumusan	126

BAB 4 ANALISIS DAPATAN

4.1	Pengenalan	128
4.2	Tatacara Penganalisisan Data	129
4.2.1	Data Kualitatif	131
4.2.2	Data Kuantitatif	131
4.2.3	Emosi dan Helah Bela Diri Watak Protagonis (wanita) dalam Novel dan Realiti.	132
4.2.4	Penentu Skor Tahap	134
4.2.5	Ringkasan Keseluruhan Emosi dan Tingkah Laku Wanita	136
4.2.6	Contoh Penilaian Instrumen Helah Bela Diri Wanita.	142

4.3	Dapatan Kajian Rintis	148
4.4	Jenis-Jenis Emosi dan Helah Bela Diri Watak Protagonis dalam Novel	151
4.4.1	Emosi Kasih	151
4.4.2	Emosi Sedih	157
4.4.3	Emosi Takut	165
4.4.4	Emosi Marah	171
4.4.5	Emosi Riang	176
4.4.6	Emosi Hairan	178
4.4.7	Emosi Jijik	181
4.4.8	Emosi Tenaga	184
4.4.9	Emosi Dendam	187
4.4.10	Emosi Dengki	189
4.4.11	Emosi Simpati	191
4.4.12	Emosi Malu	194
4.5	Rumusan Emosi dan Helah Bela Diri dalam Novel Popular dengan Realiti Wanita Masa Kini.	197
4.5.1	Emosi Kasih	198
4.5.2	Emosi Riang	203
4.5.3	Emosi Sedih	207
4.5.4	Emosi Takut	212
4.5.5	Emosi Hairan	216
4.5.6	Emosi Marah	221
4.5.7	Emosi Jijik	227
4.5.8	Emosi Tenaga	232
4.5.9	Emosi Dendam	236
4.5.10	Emosi Dengki	242
4.5.11	Emosi Malu	247

4.5.12	Emosi Simpati/Ehsan	249
4.6	Janaan Model Emosi Wanita Bekerjaya Berkeluarga?	253
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	259
5.2	Perbincangan Kajian	260
5.2.1	Mengenal pasti emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel popular	260
5.2.2	Merumuskan emosi dan helah bela diri watak protagonis (wanita) yang terdapat dalam novel popular dengan realiti wanita masa kini.	262
5.2.3	Menjana model emosi wanita bekerjaya berkeluarga.	264
5.3	Implikasi	266
5.4	Cadangan	266
5.5	Cadangan kajian lanjut	267
5.6	Kesimpulan	267
	RUJUKAN	269
	LAMPIRAN	274

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
3.1	Kaedah Persampelan Strata Secara Rawak Mengikut Kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor.	86
3.2	Senarai semak emosi dalam Novel Suri Hati Mr. Pilot	98
3.3	Helah Bela Diri dalam Novel Suri Hati Mr. Pilot	104
3.4	Soal Selidik (Emosi)	107
3.5	Soal Selidik (Helah Bela Diri)	113
3.6	Tingkah laku atau helah bela diri melalui Teori Psikoanalisis Sigmund Freud.	120
3.7	Proses Pengumpulan Data	124
4.1	Refleksi Emosi Wanita	130
4.2	Rumus yang digunakan untuk menentukan tahap-tahap tafsiran dalam kajian ini.	134
4.3	Penentuan tahap berdasarkan skor min bagi konstruk Analisis Emosi Wanita dalam Novel Populer dan Realiti.	135
4.4	Dapatan Kajian Rintis Mengenai Penilaian Bagi Responden Wanita	149
4.5	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Kasih (N=150)	198
4.6	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Riang (N=150)	203
4.7	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Sedih (N=150)	208
4.8	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Takut (N=150)	212
4.9	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Hairan (N=150)	216
4.10	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Marah (N=150)	222

4.11	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Jijik (N=150)	227
4.12	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Tenaga (N=150)	233
4.13	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Dendam (N=150)	237
4.14	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah B ela Diri Dengki (N=150)	242
4.15	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Malu (N=150)	247
4.16	Nilai Kekerapan dan Min bagi Item Emosi & Helah Bela Diri Simpati/Ehsan (N=150)	250
4.17	Rumusan Interpretasi daripada Dapatan paparan Emosi dan HBD	255

**SENARAI RAJAH****No Rajah****Muka surat**

3.1	Gabungan Teosi Rasa-Fenomenologi dan Psikoanalisis	80
3.2	Teori Gabungan (Adaptasi dari Nordiana Hamzah, 2014)	83
4.1	Refleksi Emosi Wanita	130
4.2	Helah Bela Diri Emosi Kasih	157
4.3	Emosi Sedih	163
4.4	Helah Bela Diri Emosi Sedih	165
4.5	Helah Bela Diri Emosi Takut	171
4.6	Helah Bela Diri Emosi Marah	175
4.7	Helah Bela Diri Emosi Riang	178
4.8	Helah Bela Diri Emosi Hairan	181
4.9	Helah Bela Diri Emosi Jijik	184
4.10	Helah Bela Diri Emosi Tenaga	187
4.11	Helah Bela Diri Emosi Dendam	189
4.12	Helah Bela Diri Emosi Dengki	191
4.13	Helah Bela Diri Emosi Simpati	194
4.14	Helah Bela Diri Emosi Malu	197
4.15	Model Emosi Wanita Bekerjaya Berkeluarga	257
4.16	Model Helah Bela Diri Wanita Bekerjaya Berkeluarga	258



SENARAI SINGKATAN

7HM	7 Hari Mencintaiku
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DC	Dekatnya cinta
EI	Kecerdasan Emosi
EQ	Kecerdasan Emosi
HBD	Helah Bela Diri
N	Neutral
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
S	Setuju
SHMP	Suri Hati Mr. Pilot
SS	Sangat Setuju
STS	Sangat tidak setuju
TS	Tidak Setuju
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
WHO	Laporan pertubuhan Kesihatan Sedunia
ZN	Zahirah Nawawi

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Analisis Output
- B Analisis Emosi Novel Suri Hati Mr Pilot
- C Analisis Emosi Novel Dekatnya Cinta



BAB 1

PENGENALAN



Novel merupakan suatu produk budaya yang memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan minda masyarakat (Koh Young Hun dan Umami Hani, 2015). Kajian tentang novel-novel popular sangat meluas dilakukan oleh sarjana tempatan mahupun luar (Fatimah Hj Saidin 2015 dan Suci Walandari 2014).

Carta yang dikeluarkan oleh (MPH,2016) mendapati novel yang menduduki carta ialah novel yang telah diadaptasikan kepada drama yang menjadi pilihan masyarakat pembaca. Novel-novel Melayu pada masa kini kebanyakannya dihasilkan oleh penulis yang bukan sahaja berbakat besar dalam dunia penulisan, malah mereka merupakan seorang yang berpendidikan dan berkerjaya dalam pelbagai bidang. Antaranya, penulis yang berjaya menghasilkan novel popular yang dapat mencuit hati





masyarakat ialah Siti Rosmizah Semail yang merupakan seorang yang berkelulusan tinggi dan seorang peguam pada suatu ketika dahulu telah menghasilkan novel yang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat. Karyanya yang sarat dengan emosi dapat menyentuh hati masyarakat pembaca untuk terus menunggu hasil yang seterusnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui liputan-liputan yang dikeluarkan oleh syarikat penyiaran dan juga media massa. Menurut akhbar *Sinar Online* telah mengeluarkan artikal yang berkaitan dengan isu adaptasi novel kepada drama televisyen. Menurut sumber tersebut, adaptasi novel ke layar perak (filem) atau kaca televisyen (drama) bukan lagi fenomena baharu dalam industri tempatan (Akmaliah Razak, 2013). Gaya kerja adaptasi tersebut sudah mula dipraktikkan sejak 1958, menerusi karya Harun Aminurashid, *Cinta Gadis Rimba* (Virgin of Borneo). *Harian Metro* telah mengeluarkan artikal yang menyatakan bahawa drama bersiri TV3 yang diadaptasikan dari novel 7 *Hari Mencitaiku* telah meraih 12 juta tontonan mengatasi drama popular lain di TV3 (Michelle Gun, 2017).

Novel juga memaparkan aspek emosi yang menjadi asas dalam membina watak dan perwatakan. Emosi merupakan suatu aspek yang sangat penting dan sememangnya wujud dalam diri setiap insan yang bergelar manusia. Manusia sendiri yang akan membezakan perwatakan mereka dengan cara mengawal emosi yang terdapat dalam diri mereka sama ada untuk menjadi insan yang positif mahupun yang sebaliknya. Daniel Goleman (2002) mengatakan bahawa emosi merujuk suatu perasaan dan fikiran yang khas sebagai penyebab seseorang tersebut bertindak. Emosi merupakan reaksi terhadap rangsangan dari luar dan dalam diri individu, sebagai contoh emosi gembira mendorong perubahan hati sehingga secara fisiologi terlihat tertawa, emosi sedih mendorong seseorang berperilaku menangis. Emosi yang wujud





dalam diri manusia berpunca daripada apa-apa yang sedang dilalui oleh mereka pada saat itu. Jika perkara yang negatif dialaminya maka emosi yang negatif seperti marah, sedih dan takut akan dilahirkan daripada insan tersebut. Begitu juga sebaliknya, jika peristiwa yang positif wujud dalam diri mereka, maka kebahagiaan, kegembiraan dan kasihan yang akan dilahirkan daripada insan tersebut. Setiap emosi tersebut akan terus ada dalam kehidupan manusia yang bernyawa, namun yang membezakan setiap individu tersebut dengan cara mereka meluahkannya ataupun memendamkan emosi tersebut. Paparan novel-novel popular seperti (*Adam dan Hawa* 2009, *7Hari Mencintaiku* 2011 dan *Dekatnya Cinta* 2013) sarat dengan emosi, terutamanya emosi bagi wanita.

Gambaran yang dilakukan oleh pengarang terhadap wanita dalam karya mereka sangat sinonim dengan dunia sebenar. Kajian yang dijalankan oleh Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari dan Bushrah Basiran pada tahun 2013 telah menyatakan bahawa wanita pada masa ini perlu memiliki pelbagai kemahiran sebagai sokongan terhadap kecemerlangan dalam kerjaya dan rumah tangga. Najib Razak (2013) telah menyatakan bahawa masyarakat juga telah mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita terhadap perkembangan serta kemajuan negara. Hal yang demikian telah diserapkan oleh penulis-penulis dalam karya mereka.

Perkara tersebut dibenarkan oleh Islam untuk wanita keluar mencari kerja untuk menampung keperluan keluarga dan negara juga memerlukan tenaga kerja dari mereka yang mempunyai kepakaran. Dalam ayat lain Allah SWT berfirman :





“Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikaruniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. (Karena) bagi orang laki-laki ada bahagian dari pada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebagian dari karunia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuat”

(An Nisa ayat 32)

Melalui ayat tersebut dapat difahami, setiap manusia termasuk wanita berhak untuk bekerja dan mendapat ganjaran yang setimpal dengan usaha yang dikerjakan mereka. Sehingga dalam Islam hukum wanita yang bekerja ialah mubah atau diperbolehkan. Maka, dalam novel-novel popular sekarang banyak memaparkan wanita yang bekerjaya. Penulis membina konflik dan emosi yang membelenggu watak wanita yang terpaksa memikul tanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu dan dalam masa yang sama mereka mempunyai kerjaya. Apabila wanita hari ini terlibat dengan kerjaya maka mereka perlu bijak untuk menguruskan dua tanggungjawab yang berbeza di samping perlu mencapai kecemerlangan serta kesempurnaan dalam kerjaya dan rumah tangga (Ilhaamie et al., 2012).

1.2 Latar Belakang Kajian

Karya sastera merupakan suatu yang artistik kerana karya sastera terbina daripada proses imaginasi dan realiti pengarang. Karya sastera merupakan binaan yang dilahirkan oleh pengarang dengan menggunakan ayat yang indah. Analisis karya sastera meliputi unsur intrinsik dan juga ekstrinsik. Kajian intrinsik yang dijalankan ialah unsur yang terkandung dalam sesuatu karya sastera. Penghasilan penulisan





kreatif merupakan suatu usaha yang giat dijalankan dalam dunia yang serba moden ini. Karya-karya kreatif tetap muncul dan tidak pernah menyepi dari dunia yang semakin pesat membangun. Mana Sikana (2013) menyatakan bahawa khalayak lebih banyak membaca teks kreatif daripada buku bukan sastera dan daripada sepuluh buah buku yang dibaca, enam daripadanya ialah fiksyen. Pola bagi budaya membaca ini ialah perkembangan yang sangat positif kerana teks sastera sangat diminati sejak akhir-akhir ini.

Selain itu, Informasi pendidikan (2015) menyatakan bahawa unsur intrinsik yang dimaksudkan dalam karya sastera ialah tema, watak, plot, latar, dan sebagainya. Namun, unsur ekstrinsik yang terdapat dalam analisis karya ialah sesuatu yang terdapat di luar karya dan memerlukan pengetahuan pembaca. Antara unsur ekstrinsik yang biasa dimiliki oleh karya kesusasteraan ialah yang berkaitan dengan psikologi, sosiologi, emosi dan ilmu-ilmu lain yang sama-sama mendukung karya tersebut untuk lebih menarik.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan bertujuan untuk melihat aspek psikologi dalam karya sastera. Unsur psikologi dalam karya sastera dianalisis dengan menggunakan pendekatan psikoanalisis yang dibina oleh Sigmund Freud. Syaifatul Husna (2012) dalam kajiannya tentang watak dalam karya dengan menggunakan pendekatan psikologi sastera telah menyatakan bahawa segala aktiviti kehidupan psikologi watak bersandarkan kepada tiga prinsip yang dikeluarkan oleh Freud. Antara prinsip tersebut ialah prinsip konstansi, prinsip kesenangan dan prinsip realiti. Ketiga-tiga prinsip tersebut terjadi daripada tiga elemen yang terdapat dalam diri manusia iaitu id, ego dan superego. Kebanyakan watak wanita diterapkan dengan





permainan emosi yang pelbagai dalam menjalani kehidupan mereka. Kajian psikoanalisis lebih menjurus kepada penelitian terhadap perasaan dan cara watak mengendalikan perasaan dan emosi yang membelenggu mereka.

Kecerdasan emosi dan tingkah laku merupakan aspek yang sangat berkait rapat antara satu dengan yang lain. Kecerdasan emosi amat mempengaruhi persekitaran bagi sesuatu pekerjaan, pembelajaran mahupun kehidupan bermasyarakat. Konsep kecerdasan emosi (EI) mula dipopulorkan oleh Salovey dan Mayer (1990) secara menyeluruh dalam merangkumi aspek persepsi, penilaian dan memahami emosi secara tepat. Menurutnya lagi, yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi sebagai satu bentuk kebolehan memantau serta meregulasikan emosi diri dan emosi orang lain, dapat membezakan antara keduanya serta boleh menguruskan maklumat tersebut sebagai pengaruh kepada pemikiran dan juga tindakan (Mayer & Salovey, 1997).

Apabila membaca karya-karya kesusasteraan, pembaca akan menyelami emosi yang dibawa oleh watak yang terdapat dalam karya tersebut secara semula jadi. Meneliti evolusi emosi suatu aspek yang tergolong dalam penelitian psikologi. Ilmu sastera dan juga ilmu psikologi kedua-duanya merupakan kajian yang dijalankan terhadap manusia sebagai objek utama. Aspek psikologi dalam karya sastera pula terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu kajian terhadap pengarang, kajian terhadap proses kreatif, kajian terhadap jenis atau hukum-hukum psikologi yang diterapkan dalam karya dan yang terakhir adalah kesan sastera terhadap pembaca (Wan Norlidza Mohd Zain, 2015).





Karya sastra banyak mengetengahkan perihal tentang watak wanita di dalamnya (Florina 2011 dan Siti Khariah Mohd Zubir 2012). Terdapat pelbagai gambaran yang telah diolah oleh pengarang dalam menjayakan watak wanita supaya lebih menarik. Kebiasaannya wanita akan digambarkan bersandarkan tiga unsur utama iaitu dari segi sosiologi, psikologi, dan fisiologi. Menerusi kajian Florina (2011) *Citra Wanita Dalam Novel Garis Perempuan: Tinjauan Femenisme Sastra*, telah dapat memperlihatkan bahawa citra wanita digambarkan sebagai; a) golongan yang tekun dan bersemangat dalam pekerjaan, b) wanita sebagai seorang isteri, c) wanita golongan yang ditindas dalam keluarga dan d) wanita dengan alam pendidikannya. Majoriti hakikat tersebutlah yang selalu diterapkan oleh pengarang dalam menggarap perwatakan bagi wanita dalam karya yang dihasilkan mereka.



terhadap *Antologi Kehidupan* karya A. Halim Ali (2000-2005). Kajian tersebut juga merupakan kajian yang meneliti wanita dari kaca mata A. Halim Ali menerusi sajak-sajak yang telah dihasilkannya. Beliau telah meneliti karya sastra tersebut dengan teori feminisme yang jelas berkaitan dengan wanita. Secara amnya, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan adalah untuk melihat emosi dan situasi wanita dalam karya sastra. Oleh hal yang demikian, jelas bahawa terdapat banyak kajian yang mengkaji emosi wanita yang terdapat dalam novel dan karya-karya kreatif yang lain. Namun begitu, kajian ini memberikan tumpuan kepada emosi dan tingkah laku bagi wanita bagi karya sastra dalam genre novel.



Dari aspek psikologi pula, wanita sering dikaitkan dengan perwatakan yang mempunyai perasaan yang positif dan negatif. Sebagai contoh, wanita sering digambarkan sebagai seorang yang tidak berkeupayaan untuk mengawal diri mereka dengan baik apabila berada dalam situasi yang tidak menentu. Ani Dessy (2014) telah menjalankan satu penyelidikan dan menyatakan bahawa watak wanita yang digambarkan ialah seorang yang polos, berani, pamarah, sensitif, nakal, pintar, keras kepala, suka bergurau, jujur, berdikari, berprasangka buruk, sopan santun, kuat bekerja, dan pandai. Namun begitu, terdapat beberapa konflik emosi yang dialaminya seperti cepat marah, kebingungan, ketakutan, cemas, pertentangan batin, dan kekecewaan. Konflik yang dialami oleh watak wanita yang digambarkan tersebut sebahagian besarnya dipengaruhi oleh ego dalam diri watak tersebut. Menurutnya lagi, wanita melakukan sesuatu perkara hanya berdasarkan logik.

Siti Khariah Mohd Zubir (2012) dalam bukunya yang bertajuk *Feminisme dalam Sastera Melayu* juga telah mengupas tentang perwatakan dan juga keperkasaan wanita Melayu yang digambarkan dalam karya sastera. Keperkasaan yang dimaksudkan olehnya ialah dari aspek perkasa, keberanian atau kegagalan seseorang dalam melakukan sesuatu tugas. Contoh dalam kajiannya terhadap novel yang berjudul *Senator Adila* (1992), iaitu keperkasaan yang cuba disampaikan beliau adalah dari segi pendidikan, perniagaan, politik dan sebagainya.

Menurutnya lagi, wanita yang berpendidikan cemerlang, pintar dan cerdas biasanya mampu melakukan taakulan, iaitu mempunyai kebolehan berfikir dengan logik dan mempunyai fungsi kognitif yang hebat. Dari perniagaan pula, beliau ada menyentuh perihal watak wanita yang digambarkan sebagai seorang peniaga yang

berjaya seperti dalam novel *Senator Adila* yang menggambarkan wanita sebagai seorang ahli perniagaan projek perumahan dan juga mengendalikan perniagaan antarabangsa. Dari aspek politik pula, Adila digambarkan sebagai seorang pemimpin yang berjiwa rakyat, peka dengan kesusahan orang lain dan sangat menjaga sensitiviti terhadap rakyat.

Kesimpulannya, latar belakang bagi kajian ini ialah berkaitan dengan watak-watak wanita yang cuba ditonjolkan dalam karya kreatif oleh pengarang. Selain itu, kajian ini juga meneliti kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji tentang psikologi wanita. Wanita digambarkan sebagai makhluk yang sangat kompleks kerana mempunyai emosi yang positif dan negatif. Wanita yang dapat mengawal emosinya dengan baik akan berada dalam keadaan yang baik dan sebaliknya bagi wanita yang tidak dapat mengawal emosinya dengan baik.

1.3 Penyataan Masalah

Emosi wanita merupakan suatu yang sangat menarik untuk dianalisis (Nordiana Hamzah 2014 dan Siti Khairiah Mohd Zubir 2012). Kebiasaannya wanita yang menghadapi masalah, mereka banyak bergantung kepada orang lelaki atau mereka akan melakukan perkara yang negatif. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Norizah Abd Rahman (2014) bahawa wanita merupakan pembantu kepada lelaki. Tambahan pula peranan lelaki yang lebih dominan selalu diketengahkan dalam karya sastera. Kajian ini dikukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Nur Farahkanna Mohd Rusli (2015) yang menyatakan bahawa wanita akan mengambil tindakan yang negatif



apabila menghadapi masalah. Antara tindakan tersebut adalah marah, ketakutan, cemas, kekecewaan yang melampau, kemurungan dan sebagainya. Kajian ini ingin merungkai betulkan permasalahan yang menyatakan bahawa wanita akan mengambil tindakan negatif apabila menghadapi sesuatu masalah.

Selain itu, wanita juga tidak hanya digambarkan dengan memiliki emosi yang negatif semata-mata (Christine. V. Meaty, Psi, dalam Winahyu: 2009). Mereka juga mempunyai emosi yang positif dalam menjalani kehidupan sehariannya. Antaranya ialah kasih, cinta, sayang, simpati, gembira dan kagum dimiliki oleh kebanyakan wanita dalam dunia realiti. Perempuan mempunyai emosi yang mudah tersentuh dan lebih peka berbanding dengan lelaki apabila berhadapan dengan sesuatu situasi dalam hidupnya. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menganalisis sama ada terdapat persamaan emosi wanita yang dinyatakan oleh pengarang dalam karya sastera dengan peristiwa yang terjadi dalam dunia sebenar.

Hasil kajian lepas telah mendapati konflik kejiwaan yang dialami oleh watak dalam novel bermula daripada rangsangan luaran yang telah mendorong pembentukan id, dan akhirnya membawa kepada tindakan separa sedar untuk menangani konflik tersebut (Nordiana Hamzah, 2014). Hasil kajian itu juga menunjukkan kegagalan watak tersebut menggunakan akal yang waras untuk berfikir secara logik dan rasional dalam menangani permasalahan. Keadaan tersebut akan menyebabkan manusia mengambil keputusan dan bertindak melakukan perkara yang mendatangkan keburukan pada diri sendiri. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat adakah dalam karya yang dipilih (novel popular), situasi yang sama juga diterapkan oleh pengarang pada watak wanita ataupun sebaliknya yang





berlaku. Kajian ini juga akan mengenal pasti sama ada pengarang membina watak protagonis tersebut digambarkan memiliki emosi yang positif dalam menangani masalah ataupun sama seperti dalam kajian-kajian lepas yang meletakkan nilai negatif pada diri wanita.

Kebanyakan novel popular menggambarkan emosi wanita sebagai pemarah, sensitif, dengki, dendam, simpati dan sebagainya. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan adalah bertujuan untuk melihat emosi wanita yang terdapat dalam karya sastera. Antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Wahyu Satiyaningsih (2014) dengan kajiannya yang meneliti watak lelaki dan wanita dari segi emosi dan kajian tersebut telah menyatakan bahawa terdapat dua jenis emosi bagi wanita dan lelaki iaitu emosi dasar dan emosi campuran. Emosi dasar meliputi emosi suka, marah, sedih, takut dan benci. Emosi campuran pula dinyatakan meliputi emosi hairan dan terkejut. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Roisin Parkins (2012), yang menyatakan bahawa emosi wanita lebih kompleks dan susah untuk difahami.

Ani Dessy (2014), dan Nordiana Hamzah (2014), dalam kajian mereka juga telah meneliti watak dari aspek emosi dan psikologi. Kajian yang telah dijalankan oleh Nordiana Hamzah (2014) tersebut telah menyentuh aspek emosi wanita dan helah bela diri yang diambil oleh mereka apabila mengalami masalah. Kedua-dua kajian tersebut hanya meliputi watak wanita dalam karya kreatif sahaja dan tidak menyentuh watak wanita dalam dunia sebenar. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis emosi dan tingkah laku bagi watak protagonis (wanita) dalam novel serta persamaan dan perbezaan emosi dalam karya dengan dunia sebenar.





Pemikiran dan tingkah laku masyarakat zaman sekarang banyak dipengaruhi oleh perkara negatif mahupun positif yang menyerap masuk melalui media massa. Sistem nilai Melayu mengalami impak teruk berbanding dengan sistem nilai Barat yang dianggap maju dan moden (Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Gaddafi; 2015). Antaranya, bahan bacaan juga merupakan media yang mampu mempengaruhi emosi dan tingkah laku kepada pembacanya. Menurut Sohaimi Abd Aziz (1995), Teori Rasa Fenomenologi mempercayai bahawa setiap individu memiliki lapan emosi tetap dalam pemikiran bawah sedar mereka. Kesemua emosi tersebut berfungsi dan bertindak dalam minda. Apabila pembaca melakukan pembacaan terhadap sesebuah karya, dengan tiga proses iaitu: proses pertama ialah pemindahan emosi tetap menjadi emosi statik, kedua ialah pemindahan teks sastera yang dibaca menjadi objek estetik dan yang ketiga ialah kesedaran biasa dalam diri pembaca bertukar menjadi kesedaran estetik yang bersifat iniversal dan sensual. Bahan kajian (novel popular) yang digunakan juga mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat kerana novel tersebut telah diadaptasikan menjadi drama television dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelbagai lapisan masyarakat (Metro, Januari 2017). Oleh hal yang demikian, kajian ini ingin menganalisis emosi dan tingkah laku masyarakat terhadap peristiwa yang berlaku dipersekitarannya sama ada dalam karya mahupun dalam dunia realiti.

Kajian ini juga dijalankan berdasarkan pengalaman pembacaan peribadi yang mendapati bahawa perwatakan yang diterapkan oleh pengarang dalam novel kebiasaanya mengalami tekanan perasaan. Antaranya ialah watak wanita yang digambarkan dalam novel *The Wedding Breaker* (2012), yang telah menggambarkan wanita yang bernama Ariana Rose yang mengalami emosi yang bercelaru setelah



bertemu dengan Tengku Adam Kamil. Kehidupannya mula berubah setelah tindakannya yang cuba menghalang perkahwinan Tengku Adam Kamil kerana menurut permintaan kawan baiknya. Namun begitu, perasaan bencinya terhadap Tengku Adam Kamil mula menjalar dalam diri setelah maruahnyanya diragut oleh lelaki tersebut. Pelbagai konflik terpaksa ditempuhi oleh Ariana Rose dalam melayani perasaan cinta dan bencinya. Watak tersebut digambarkan cuba menafikan perasaan sayang yang telah mula lahir dari hatinya akibat daripada dendam diatas perbuatan Tengku Adam. Namun begitu, dalam dunia sebenar realitinya sangat mudah untuk mengungkapkan rasa cinta. Kebanyakan anak-anak muda ramai yang mudah meluahkan rasa kasih dan cinta mereka tanpa berselindung. Hal yang demikianlah yang cuba dirungkaikan dalam kajian ini. Kajian ini akan merumuskan persamaan konflik emosi yang dialami oleh watak protagonis dalam karya dan juga wanita yang

Berdasarkan beberapa masalah yang telah dinyatakan, terdapat tiga objektif kajian dalam menjayakan penyelidikan ini.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis emosi yang terdapat dalam novel-novel popular gabungan Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Psikoanalisis. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

- 1) Mengenal pasti emosi dan helah bela diri watak protagonis dalam novel popular.



- 2) Merumuskan emosi dan helah bela diri watak protagonis (wanita) yang terdapat dalam novel popular dengan realiti wanita masa kini.
- 3) Menjana model emosi wanita bekerjaya berkeluarga.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, kajian ini akan menjawab soalan-soalan seperti berikut:

- 1) Bagaimanakah jenis-jenis emosi dan helah bela diri watak protagonis dianalisis dalam novel?
- 2) Bagaimanakah paparan emosi yang terdapat dalam novel popular dengan realiti wanita masa kini dirumuskan?
- 3) Bagaimanakah janaan model emosi wanita bekerjaya berkeluarga?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini bertajuk “*Analisis Emosi Wanita Antara Novel Popular dan Realiti*”. Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus terhadap novel-novel popular hasil tulisan pengarang yang sangat berpengaruh iaitu Hanizura Jamaludin (Aisya Sofea), Dila Dyna dan Siti Rosmizah Semail. Kedua-dua orang penulis iaitu Hanizura dan Siti Rosmizah tersebut telah mendapat pelbagai anugerah dalam bidang penulisan dan Dila Dyna pula merupakan penulis muda yang sangat berbakat. Karyanya yang keempat telah dipilih sebagai bahan kajian. Pencapaian terbaru bagi mereka ialah Siti Rosmizah pernah mendapat anugerah novel pilihan pembaca dan Aisya pula





dianugerahkan penulis novel prolifik pada Anugerah Buku Negara pada tahun 2015. Kajian ini mengkaji tentang aspek emosi dan helah bela diri bagi watak protagonis (wanita) yang terdapat dalam karya sastera dan juga dalam dunia sebenar. Pada umumnya batasan skop kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu:

1.6.1 Batasan Bahan

Antara novel popular yang dipilih untuk penelitian dalam kajian ini ialah *Adam dan Hawa (2006)* serta *Dekatnya Cinta (2013)* yang ditulis oleh Aisya Sofea. Selain itu, pengkaji juga memilih satu novel daripada penulis yang tidak kurang hebatnya dalam dunia penulisan kreatif tanah air, Siti Rosmiza iaitu novelnya yang berjudul *7 Hari Mencintaiku (2013)*. Novel seterusnya ialah karya Dila Dyna iaitu *Suri Hati Mr.Pilot (2016)*. Kesemua novel ini dijadikan bahan utama kajian kerana novel tersebut telah diadaptasikan menjadi drama televisyen dan juga telemovie. Hal ini jelas bahawa permintaan terhadap novel tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada khalayak pembaca. Setelah ditayangkan dalam televisyen, sudah tentunya karya tersebut telah ditonton oleh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Kesemua novel tersebut telah diadaptasikan kepada drama dan juga telemovie bagi TV3 dan Astro kecuali novel *Dekatnya Cinta* yang ditulis oleh Aisya Sofia pada tahun 2013.

Novel-novel tersebut juga mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pembaca. Hal ini terbukti apabila setiap satu novel tersebut telah dicetak berulang kali. Sebagai contoh, novel Siti Rosmizah yang berjudul *7 Hari Mencintaiku*



yang telah dicetak sebanyak 16 kali, Dekatnya Cinta sebanyak 4 kali, serta Adam dan Hawa sebanyak 30 kali. Terbukti bahawa dalam masa yang singkat, telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

Selain itu, kesemua novel tersebut menjadi pilihan kerana watak protagonisnya yang akan menjadi objek kajian mempunyai ciri yang sama iaitu wanita yang dibelenggu masalah yang menghimpit mereka. Tuntutan kerjaya, tanggungjawab dan amanah yang dipikulnya yang telah melahirkan emosi yang pelbagai. Hal yang demikianlah yang akan menjadi fokus kepada kajian ini.

Kesimpulannya, pemilihan novel-novel tersebut atas faktor populariti, telah diadaptasikan kepada drama dan telemovie, pengaruh yang besar dan permintaan yang ramai terhadap karya tersebut.

1.6.2 Batasan Aspek

Kajian ini dibataskan melihat kepada aspek emosi watak protagonis dalam karya yang dipilih. Aspek emosi tersebut akan dianalisis menggunakan teori Rasa-fenomenologi yang dibina oleh Sohaimi Abd Aziz (1998). Melalui pendekatan teori tersebut, pembaca akan menikmati keindahan dalam karya. Melalui teori Rasa Dhvani, Sohaimi mengambil dan menekankan penelitian emosi sebagai aspek yang mendasari landasan teori yang dibinanya.



Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap novel popular yang terkini. Hal ini kerana pengkaji ingin melihat emosi dan tingkah laku yang berkaitan dengan watak protagonis (perempuan) dalam novel popular tersebut dan penelitian yang sama juga akan dijalankan terhadap wanita dalam kehidupan realiti. Kesenambungan antara novel popular mutakhir dan juga masyarakat pada zaman ini harus diambil perhatian. Jika kajian ini mengambil novel popular yang telah bertahun-tahun lamanya, kemungkinan situasi yang dihadapi oleh watak protagonis dalam karya tersebut tidak mempunyai persamaan yang banyak dengan wanita yang akan dikaji dalam dunia sebenar.

Kajian ini juga akan membuat analisis kandungan terhadap novel yang dipilih menggunakan teori emosi adaptasi dan modifikasi oleh Nordiana Hamzah (2014). Beliau telah menggabungkan dua teori iaitu teori Rasa Fenomenologi Sohaimi Abd Aziz dan juga teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini akan menggunakan aspek yang terkandung dalam pendekatan gabungan yang telah dibina oleh Nordiana Hamzah (2014).

Analisis aspek emosi dan tingkah laku watak protagonis menjadi aspek utama kajian. Setelah mendapat maklumat yang terperinci dari kesemua novel yang dikaji, kajian akan diteruskan lagi kepada masyarakat dalam alam realiti. Kajian yang sama juga akan diberikan perhatian terhadap wanita dalam masyarakat sebenar untuk memperlihatkan sama ada perkara yang terdapat dalam karya sastera adalah sama ataupun sebaliknya yang terjadi dalam masyarakat sebenar.





1.6.3 Peringkat Umur

Novel yang dipilih ialah novel yang lebih kepada percintaan antara dua insan yang sudah dewasa dan mempunyai akal fikiran yang waras dalam memilih jalan hidup masing-masing. Pemilihan umur yang sebegini bertujuan untuk melihat tindakan yang akan diambil oleh watak sekiranya berada dalam sesuatu keadaan dan dibelenggu dengan emosi yang tertentu. Begitu juga yang akan ditelitikan bagi wanita yang berada dalam masyarakat realiti mengambil sebarang tindakan apabila mereka berada dalam sesuatu keadaan yang menuntut mereka untuk bertindak.

Watak protagonis dalam novel-novel yang telah dijadikan bahan kajian tersebut melibatkan watak yang berumur dalam lingkungan 25 hingga 35 tahun.

Pemilihan ini kerana dalam beberapa artikal yang telah dijalankan oleh sarjana dalam mahupun luar negara menyatakan bahawa dalam lingkungan umur tersebut merupakan tahap yang paling produktif bagi kaum wanita (Kimberly Liusaintis, 2011). Wanita pada kelompok umur tersebut telah mengalami tahap kematangan reproduksi, emosional, dan juga dari aspek sosial. Hal yang demikian disokong lagi oleh satu kajian yang telah dilakukan oleh Kimberly Liusaintis dari luar negara pada tahun 2011.

Menurut Erik Erikson (1963), kitaran hidup manusia mempunyai lapan tahap perkembangan. Baginya lagi, persekitaran keluarga banyak mempengaruhi kualiti tahap perkembangan. Peringkat pertama ialah perkembangan bayi (kepercayaan / keraguan). Dalam peringkat pertama bayi akan bergantung sepenuhnya terhadap orang yang menjaga dan mempercayai mereka yang memenuhi keperluan asas bayi





tersebut. Peringkat kedua ialah kanak-kanak bertatih (Autonomi / malu serta was-was). Pada peringkat ini, elemen kawalan diri dan keyakinan mula dipelajari. Perkembangan peringkat ketiga ialah kanak-kanak peringkat awal (inisiatif / rasa bersalah). Peringkat ketiga meliputi kanak-kanak yang berumur 3 hingga 6 tahun yang sedang meneroka persekitaran mereka. Peringkat keempat ialah kanak-kanak sekolah (Industri / Rendah diri). Pada peringkat ini mereka akan mula mempelajari sesuatu dan boleh menjadi kreatif. Peringkat kelima pula ialah remaja (identiti / kekeliruan peranan). Tahap ini juga dikenali sebagai peringkat baligh iaitu remaja yang berumur antara lingkungan 12 hingga 18 tahun. Mereka akan mula menyesuaikan diri dalam alam transisi yang lebih bermatlamat, berfalsafah dan keyakinan diri. Seterusnya ialah peringkat awal dewasa (Keintiman / pengasingan). Remaja pada peringkat ini mula meninggalkan rumah untuk hal-hal yang berkaitan hidup serta pasangannya (perkahwinan). Manakala, remaja yang gagal menjalani kehidupan yang demikian akan hidup terasing. Perkembangan pada peringkat yang ketujuh ialah dewasa (Generativiti / Absorption atau penyerapan sendiri). Pada peringkat ini manusia akan lebih generativiti iaitu mereka akan mampu untuk membentuk keluarga sendiri serta mencari kepuasan dari hubungan dan keluarga. Manusia pada peringkat ini mempamerkan kreativiti secara optimum dalam kerjaya. Generativiti yang dimaksudkan juga ialah mereka yang mampu melahirkan, mendidik, membesarkan anak, produktif, serta kreatif dalam hidup. Manakala mereka yang gagal “generate” boleh menjadi individu yang pentingkan diri dan tidak dapat melihat faedah dari sebarang perkara yang dilakukannya (Erik Erikson, 1963).



Akhir sekali peringkat kelapan ialah integriti atau putus asa. Integriti dimaksudkan sebagai keutuhan diri individu yang akan dilihat dari aspek kejujuran, keikhlasannya dalam menjalani kehidupan (Erik Erikson, 1963). Individu pada peringkat ini sudah matang dengan hidup, menaakul segala pencapaian sebelum ini. Mereka yang berjaya menaakul kehidupan yang sebelumnya akan hidup dalam keadaan bahagian dan selesa melayari kehidupan hari tua. Manakala mereka yang gagal akan kecewa dan merasa keutuhan dirinya tercabar.

Kajian ini memilih watak wanita dalam peringkat umur dalam lingkungan 25 hingga 35 tahun kerana mereka pada peringkat ini tergolong dalam perkembangan pada peringkat ke tujuh. Seperti yang telah dinyatakan oleh Erik Erikson (1963), mereka yang berada dalam peringkat tersebut lebih produktif dan kreatif dalam kehidupan hariannya.

1.6.4 Pemilihan Pengarang

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih pengarang wanita yang telah mempunyai nama besar dalam dunia novel popular tanah air. Pengarang tersebut sering menggunakan nama pena beliau iaitu Aisya Sofea dan Siti Rosmiza. Kebanyakan karya mereka telah diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat dan mampu menambat hati para khalayak yang menonton drama dan telemovie yang telah diadaptasikan ke kaca televisyen daripada novel-novel beliau. Kebanyakan karya mereka adalah sangat dekat dengan kehidupan masyarakat sebenar.

i) Aisya Sofia

Hanizura Jamludin ataupun dikenali sebagai Aisya Sofia merupakan seorang penulis yang berbakat besar. Beliau merupakan anak kelahiran Kelang, Selangor dan memiliki lima orang cahaya mata yang sedang meningkat dewasa. Antara novel hasil karya Aisya Sofea ialah *Adam dan Hawa*, *Sehangat Asmara*, *Kau Untukku*, *Jendela Hati*, *Jauh*, *Gelora Jiwa*, *Selagi Ada Dia*, *Buatmu Kekasih*, *Uda dan Dara*, *Dekatnya Cinta*, dan *Yang Sebenarnya*.

Aisya Sofia mula mengukir nama dalam industri karya kreatif tanah air melalui novel *Juah* yang merupakan novel pertamanya yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Namanya semakin dikenali dan sering meniti di bibir peminat setelah *Jendela Hati* mendapat kejayaan yang cemerlang.

Novel ketiganya yang berjudul *Kau Untukku* merupakan suatu kisah yang menarik yang menekankan kekuatan diri yang harus ada pada seseorang yang sedang dalam percintaan. Novel tersebut juga telah meledakkan namanya dalam penulisan tanah air. Setelah itu, Aisya Sofea menghasilkan karya yang berjudul *Sehangat Asmara* dan karya tersebut telah diangkat menjadi drama bagi Astro yang telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari masyarakat pelbagai peringkat umur.

Pada bulan Ogos 2013, Aisya Sofea telah menghasilkan sambungan novel *Adam dan Hawa* yang diberikan judul *Dekatnya Cinta*. Novel tersebut merupakan bahan kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

ii) Siti Rosmizah

Siti Rosmizah dilahirkan di Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang penulis dan seorang peguam. Namanya sangat dikenali dalam dunia penulisan kreatif kerana hasil penulisannya yang mampu menyentuh hati setiap pembaca. Antara novel hasil penulisannya ialah *Andai Itu Takdirnya*, *Andai Itu Takdirnya 2*, *Cinta Kau dan Aku*, *Lafazkanlah aklimah Cintamu*, *7 Hari Mencintauku*, dan *Takdir Itu Milik Aku*.

Pada Ogos 2009, beliau telah dianugerahkan Anugerah Pilihan Pembaca anjuran *Popular Bookstore* dengan Kerjasama *Berita Harian*. Siti Rosmizah dengan karyanya yang berjudul *Andai Itu Takdirnya* telah tercalon dalam kategori fiksiyen dan merupakan calon tunggal dari Penerbitan Buku Prima. Anugerah tersebut merupakan sebagai satu pengiktirafan serta penghargaan kepada penulis. Siti Rosmizah mendapat tempat pertama dalam kategori tersebut dan diikuti oleh Ramlee Awang Murshid bagi tempat kedua dan Aisya Sofea bagi tempat ketiga.

Novel yang dipertaruhkan tersebut ialah *Andai Itu Takdirnya* yang sarat dengan emosi dan air mata telah menyentuh hati ramai penggemar novel dan sekali gus telah dinobatkan novel paling popular serta terhangat.

iii) Dila Dyna

Dila Dyna merupakan seorang gadis berusia 25 tahun yang bersembunyi disebalik nama penanya walaupun orang sekeliling sudah ramai yang mengetahui siapakah beliau yang sebenarnya. Nama sebenar gadis tersebut ialah Nurfadhilah Azahari



merupakan seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan telah menjadi penulis novel sejak tahun 2012 semasa bergelar mahasiswi.

Kedua buah novel karya Dila Dyna telah diadaptasikan menjadi drama siri di *Astro* iaitu *Dia Semanis Honey* dan *Suri Hati Mr.Pilot*. Pencapaian tersebut merupakan batu loncatan bagi Dila Dyna sebagai seorang penulis muda apabila kedua-dua drama adaptasi tersebut mendapat sambutan hangat dalam kalangan peminat serta penonton drama Melayu.

Dila Dyna merupakan seorang gadis yang suka mencoret kisah-kisah dalam komputer riba dan blog untuk tatapan pembaca. Semuanya bermula daripada minat membaca novel. Beliau mula menanam minat membaca novel sejak tingkatan tiga dan hampir lima tahun beliau menjadi pembaca novel tegar. Dari situ Dila mula menanam impian untuk menjadi penulis yang berjaya.

Minatnya terhadap novel mula menjadi serius semasa tahun 2011, kerana terdapat ruangan dalam e-novel yang sangat terkenal dalam kalangan penulis dan peminat novel.

Langkah pertama bermula apabila Dila mula menulis bab satu novel *Bisikan Kata Hati* yang sudah diterbitkan pada tahun 2012. Pada masa itu, Dila telah menghantar hasil penulisannya ke laman web Penulisan2u, iaitu laman sesawang tersebut disediakan untuk mencari bakat penulis baharu.





Setelah pemulihan dijalankan oleh pihak Penulisan2u, novel pertama Dila yang berjudul *Bisikan Kata Hati* mendapat sambutan dan Dila dilamar untuk menyiapkan manuskrip penuh untuk diterbitkan menjadi senaskan novel. Sejak itu bermulanya perjalanan Dila Dyna dalam bidang penulisan, apabila buku pertamanya diterbitkan dibawah syarikat Kaki Novel Enterprise pada tahun 2012.

Semasa beliau mula menulis, Dila Dyna merupakan seorang pelajar tahun pertama pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi Makmal Perubatan, di UiTM pada tahun 2011. Beliau merupakan seorang penulis yang akan menulis apabila beliau dalam keadaan yang bersedia. Dila Dyna tidak mempunyai masa yang telah ditetapkan untuk menulis atau mencurahkan buah fikirannya. Apabila idea muncul barulah beliau mula menulis. Apabila emosi beliau tidak stabil dan tidak mempunyai idea, Dila Dyna tidak akan menulis sehinggalah semuanya kembali pulih. Namun begitu, beliau akan pastikan novel tersebut akan siap sebelum tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak tertentu.

Dila Dyna merupakan seorang penulis yang tidak menetapkan syarat yang tetap apabila beliau menulis. Segalanya menjadi lancar apabila idea mula muncul dalam fikiranya sehinggakan beliau mampu berada dihadapan komputer dan menulis sehingga 3 ke 4 jam lamanya. Bahagian yang agak mencabar bagi beliau dalam penghasilan novel baginya ialah penciptaan konflik atau klimaks dalam sesebuah cerita. Baginya sangat mencabar kerana beliau sebolehnya ingin mencipta kelainan dalam penceritaan.





Dila Dyna merupakan seorang penulis muda yang mula menulis dengan dorongan dirinya sendiri dan beliau tidak pernah menghadiri apa-apa kursus atau bengkel penulisan sebelum menulis novel, mahupun belajar dengan penulis-penulis lain. Semuanya hasil dari beliau sendiri berdasarkan pembacaan Dila sebelum ini.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dari segi ilmu pengetahuan. Dengan adanya kajian yang sebegini, dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik yang akan datang dan pembaca dapat mengetahui dengan lebih mudah tentang emosi dan helah bela diri yang terdapat dalam novel yang dikaji. Emosi diterima sebagai unsur yang universal kerana dibuktikan dimiliki oleh manusia dari dahulu hingga kini. Dalam teori Rasa-fenomenologi, manusia dipercayai memiliki lapan emosi tetap dalam minda bawah sedar. Emosi tersebut dimaksudkan ialah setiap manusia mempunyai beberapa emosi yang sama ataupun bersifat kekal tanpa mengira, siapa, zaman mahupun geografinya. Kajian ini juga merupakan suatu kajian yang meneliti aspek emosi watak yang terdapat dalam karya sastera.

Kepentingan yang seterusnya ialah terhadap penerbit dan juga penulis. Dalam menghasilkan karya sastera mereka harus menekankan aspek yang mendatangkan manfaat kepada khalayak pembaca. Di samping menggambarkan sesuatu situasi yang sarat dengan konflik, pengarang juga haruslah menyatakan cara watak menangani sesuatu masalah tersebut dengan positif. Kajian ini akan mengkaji helah bela diri yang





akan diterapkan oleh pengarang kepada watak protagonis dalam novel popular dan akan dilihat bagi situasi yang sama dalam masyarakat realiti.

Pengarang harus memandang perkara berikut dengan lebih serius kerana novel popular sememangnya akan memberikan pengaruh kepada pembaca. Tambahan pula, pihak penerbitan tanah air pada zaman sekarang giat menjadikan novel-novel popular tersebut diadaptasikan kepada drama television. Hal ini akan lebih terdedah kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan. Kemungkinan besar yang dipaparkan di kaca televisyen tersebut akan mempengaruhi tingkah laku dan tindakan yang diambil oleh watak yang ditonjolkan.

Situasi tersebut telah dibuktikan oleh ahli-ahli psikologi yang mengkaji tentang emosi manusia. Antaranya ialah Robert Plutchick (2001), yang telah membuat kajian berdasarkan kepada perlakuan manusia dan dalam kajian tersebut, beliau menemui lapan emosi asal seperti dalam teori Rasa-fenomenologi. Emosi tersebut mungkin akan mempengaruhi minda pemnonton apabila disajikan dengan pelbagai perwatakan dalam drama mahupun novel

Kepentingan kajian ini yang seterusnya ialah kepada masyarakat. Dengan adanya kajian yang sebegini, dapat memberikan impak yang positif kepada masyarakat dalam menangani masalah yang dihadapinya. Tingkah laku serta tindakan yang akan diambil apabila berhadapan dengan situasi dan emosi yang tidak stabil, akan menjadi lebih positif dan mendorong masyarakat supaya berfikir panjang sebelum mengambil tindakan yang negatif.



1.8 Metodologi

Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Data yang diperoleh dalam kajian ini adalah secara kajian kepustakaan dan analisis dokumen iaitu buku-buku berkaitan teori dan teks novel. Kajian tinjauan pula dengan menggunakan soal selidik. Kajian tinjauan menurut Syed Arabi Idid (1998) menyatakan bahawa kaedah tinjauan merupakan satu kaedah penyelidikan yang dijalankan untuk mengumpul data daripada satu populasi. Melalui kaedah ini, penyelidik tidak perlu mendapatkan data dari keseluruhan populasi yang ingin dikaji tetapi hanya perlu mengkaji sebahagian elemen daripada populasi tersebut.

1.8.1 Kajian Kepustakaan

Bagi mencapai tujuan di atas, kaedah atau teknik yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan. Kajian akan dimulakan dengan pencarian maklumat tentang teori psikoanalisis, teori rasa-fenomenologi, dan emosi serta tingkah laku wanita melalui rujukan buku-buku, capaian maklumat daripada laman sesawang dan soal selidik. Kajian kepustakaan merupakan suatu yang sangat penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan kerana melalui kajian kepustakaan ini rancangan serta arah penyelidikan tersebut dapat dilihat dan difokuskan dengan lebih jelas. Kajian kepustakaan akan memberikan landasan kepada kajian ini dalam penggunaan teori-teori yang akan mendasari sesebuah penyelidikan (Mohd Faizal, 2014). Kajian kepustakaan ini dijalankan di beberapa perpustakaan yang terdapat di negara ini.



Antaranya ialah Perpustakaan Tuanku Bainun, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya, dan Institut Peradapan Melayu, UPSI.

Bagi analisis novel, kajian ini akan menggunakan Pendekatan Gabungan yang telah dibina oleh Nordiana Hamzah (2014). Pendekatan tersebut merupakan pendekatan yang telah digabungkan daripada teori Rasa-fenomenologi dan teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Penyelidikan yang dijalankan oleh Nordiana Hamzah (2014) merupakan bahan rujukan utama dalam menyiapkan kajian ini.

1.8.2 Kajian tinjauan

Kajian tinjauan dilakukan bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai kesemua pembolehubah. Tinjauan digunakan untuk mengukur pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah tersebut wujud. Trimonologi tinjauan selalunya digunakan untuk menjelaskan kajian yang melibatkan pentadbiran soal selidik. Tujuan penggunaan soal selidik dalam kajian adalah untuk mengumpul data dari sampel yang telah dipilih dari populasi.

Menurut Amani Dahaman (2011), kajian ini akan memilih sampel dari populasi yang dikenal pasti, mengumpul maklumat, kemudian menganalisis untuk menjawab persoalan kajian. Sampel kajian bagi kajian ini adalah golongan wanita yang sudah berumah tangga dan mempunyai kerjaya. Maklumat yang akan dikumpul adalah yang berkaitan dengan emosi dan helah bela diri yang akan diambil oleh golongan wanita tersebut dalam menjalani kehidupan harian mereka. Seterusnya, kajian ini akan merumuskan segala maklumat yang dikumpul daripada bahan kajian





(novel) serta maklumat daripada tinjauan terhadap golongan wanita yang terdapat dalam dunia realiti.

Pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (2015) telah menyatakan bahawa kajian tinjauan terdiri daripada dua skop yang penting dan sering dilakukan dalam bidang pendidikan. Antaranya tinjauan dalam bidang pendidikan ialah tinjauan sekolah dan tinjauan komuniti. Namun begitu, kajian ini hanya memberikan perhatian pada tinjauan komuniti sahaja.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh UKM (2015), tinjauan adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah kajian yang dijalankan. Tinjauan digunakan untuk mengukur pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal sebab-sebab pembolehubah tersebut wujud.

Soal selidik diberikan kepada wanita yang berumur dalam lingkungan 21 hingga 35 tahun sesuai dengan watak protagonis yang terdapat dalam karya yang dikaji. Borang soal selidik akan diedarkan kepada tiga ratus orang responden. Soalan yang terkandung dalam soal selidik tersebut ialah menjurus kepada perkaitan emosi serta tindakan watak protagonis yang terdapat dalam karya dan akan dilihat dalam masyarakat realiti. Soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik berkaitan dengan emosi watak protagonis (wanita) serta tindakan yang terdapat dalam karya kreatif dan dunia realiti.



Instrumen soal selidik dalam kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian tersebut meliputi emosi yang terdapat dalam diri watak protagonis yang terdapat dalam keempat-empat novel kajian. Antara bahagian yang terdapat dalam instrumen kajian ialah Bahagian A (Latar Belakang Responden), Bahagian B (Emosi), Bahagian C (Tingkah Laku / Helah Bela Diri).

1.9 Definisi Operasional

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa istilah dan makna khusus yang harus diberikan perhatian serta penekanan. Pemahaman yang jelas terhadap beberapa istilah tersebut akan membuatkan pengkaji untuk lebih memahami dengan lebih mendalam bahan kajian sebelum beralih kepada bahagian yang lain. Definisi beberapa istilah penting dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

1.9.1 Realiti

Realiti membawa maksud kepada sesuatu yang nyata dan wujud. Istilah realiti adalah yang menunjukkan keadaan sesuatu yang sedia ada, iaitu yang boleh dilihat, dan boleh difahami.

Dalam Al-Quran telah disebut oleh Allah berkenaan hidup dan mati itu hanyalah sebagai ujian kepada manusia sahaja (Emran, 2010).

“Maha Suci Allah yang di tangan-Nyalah segala kerajaan, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu, yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.”

(Al-Mulk : 1-2)

Menurut Al-Quran, kehidupan kita hanyalah fatamorgana dan tiada yang realiti. Semuanya hanyalah tipu daya. Hal ini disebabkan dalam kehidupan kita ini, bumi dan langit semuanya sudah diaturkan oleh Allah SWT. Allah telah sediakan segala kemudahan dan kita dibenarkan untuk memilih.

Definisi realiti pada manusia adalah terlalu mudah dan ringkas (Emran, 2010). Menurutny lagi, manusia beranggapan realitinya sesuatu itu pada kita hanyalah disebabkan oleh apa yang diprogramkan oleh otak kita, apa yang didengari oleh telinga kita dan apa yang dilihat oleh mata kita. Beliau menyatakan bahawa mata kita berfungsi sebagai kamera yang merakam cahaya, otak yang memberikan definisi dan takrifan kepada apa yang dilihat. Otak yang akan membaca serta mentafsirnya.

Sebagai contoh, manusia mendengar bunyi, telinga hanyalah sekadar alat dan otak yang memberikan definisi bunyi serta menyatakan kepada kita apakah maksud bagi bunyi tersebut. begitu juga dengan sakit. Saraf sakit manusia memberi tindak balas kepada otak. Otak akan menghantar isyarat kepada tubuh memberitahu tentang maksud tekanan serta kesakitan tersebut dan akan menyebabkan tindakan daripada anggota badan manusia.

Menurut Emran (2010), realiti yang sebenar dalam kehidupan manusia ialah amalan manusia yang merupakan tindak balas daripada perbuatan. Amalan manusia itulah yang merupakan perkara realiti, pasti dan tidak boleh diubah. Amalan yang manusia lakukan adalah kekal menjadi catatan para malaikat, tindak balas manusia itulah yang akan dilihat.

William Glasser (1961), yang merupakan pakar psikologi di California telah mengeluarkan teori realiti bagi merawat gadis-gadis yang rosak moral dan melanggar peraturan atau undang-undang. Teori realiti tersebut menegaskan bahawa manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan dan bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut. Teori realiti tersebut berorientasikan komponen *doing*, *thinking*, *feeling* dan *physiology*.

Definisi realiti bagi kajian ini ialah sesuatu yang dipercayai wujud dan boleh dikesan menggunakan deria yang ada pada manusia. Manusia mempunyai lima deria iaitu rasa, bau, sentuhan, penglihatan dan pendengaran. Apa yang dipercayai wujud dalam alam realiti adalah sesuatu yang boleh dikesan dan diyakini dengan menggunakan kelima-lima deria yang dimiliki oleh manusia.

1.9.2 Emosi

Emosi berasal dari perkataan Latin iaitu *Emovere* yang membawa maksud bergerak jauh. Erti yang mutlak dalam perkataan emosi ialah kecenderungan bertindak. Daniel Goleman (2002), menyatakan bahawa emosi merujuk kepada suatu fikiran khas serta perasaan bagi suatu keadaan biologi dan psikologi yang membawa kepada sebarang



tindakan. Beliau juga menyatakan bahawa emosi merupakan reaksi terhadap rangsangan daripada luar dan dalam diri individu. Sebagai contoh emosi gembira akan memberikan perubahan kepada individu dari segi hati dan perasaannya sehinggakan secara jelas akan terlihat senyuman, ketawa, keceriaan.

Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998), emosi manusia terdapat dalam dua peringkat iaitu peringkat sedar dan tidak sedar. Pada peringkat sedar, emosi sampai kepada korteks dan dikawal oleh minda yang rasional dan emosi yang tidak sedar pula boleh menyebabkan kesan yang kuat terhadap cara seseorang menangani serta bertindak terhadap sesuatu tanpa menyedari emosi yang memuncak dalam dirinya. Id merupakan satu lingkungan emosi yang berada di bawah tahap sedar manusia. Freud yang merupakan tokoh psikoanalisis telah menyatakan bahawa emosi yang kacau disebabkan ketidakseimbangan antara id, ego dan superego yang terdapat dalam diri manusia. Maka, dalam kajian yang dijalankan ini, permasalahan untuk menganalisis emosi dalaman watak dalam karya mestilah dilihat daripada kaca mata pengarang-pengarang di Malaysia. Kajian ini adalah untuk menganalisis aspek emosi yang dimiliki oleh watak dalam novel-novel popular mengikut Teori Psikoanalisis Freud.

Kajian ini menggunakan teori gabungan yang diadaptasi dan dimodifikasi oleh Nordiana Hamzah (2013), kerana terdapat gabungan antara teori Psikoanalisis Sigmund Freud dan Teori Rasa-Fenomenologi Sohaimi Abdul Azizi (1988). Kesemua aspek yang diketengahkan oleh Freud dan Sohaimi dalam teori tersebut sangat membantu kajian ini dalam penelitian dari aspek emosi dan tingkah laku watak protagonis dan wanita dalam dunia realiti.





Kesimpulannya dalam kajian ini maksud emosi yang digunakan ialah emosi yang berlaku sama ada secara sedar mahupun tidak sedar berpunca daripada tindak balas individu ataupun persekitaran yang menyebabkan kesan emosi seperti emosi marah, sedih, gembira, dendam, simpati, malu tenaga dan lain-lain.

1.9.3 Wanita

Wanita merupakan satu daripada dua jantina yang diciptakan oleh Allah S.W.T iaitu lelaki dan wanita. Dari segi biologikal, wanita mempunyai hormon estrogen yang boleh melindunginya daripada serangan jantung iaitu bagi wanita yang belum mencapai putus haid. Ia berbeza daripada lelaki yang mempunyai lebih hormon androgen. Wanita juga merupakan manusia yang diciptakan untuk melahirkan zuriat yang menjadi penyambung kepada keturunan sesebuah keluarga. Menurut agama Islam, wanita diciptakan daripada tulang rusuk Adam (lelaki) dan diciptakan bertujuan untuk menemani kaum Adam dalam menjalani kehidupan harian. Selain itu, wanita juga merupakan isteri kepada seorang suami dan ibu kepada anak-anak.

Menurut Bushrah Basiron (2006) wanita diciptakan oleh Allah S.W.T . sebagai makhluk yang mempunyai keistimewaan dan kepentingan yang tersendiri. Sejarah awal kehidupan manusia bermula daripada keturunan yang sama iaitu Nabi Adam. Wanita pertama yang diciptakan oleh-Nya ialah Hawa iaitu isteri kepada Nabi Adam. Melalui penyatuan daripada kedua-duanya, maka lahirlah generasi manusia yang terdahulu hingga sekarang. Wanita mempunyai sifat semula jadi yang sesuai





dengan fitrahnya iaitu lemah lembut, penyayang, bersopan santun, keibuan dan sebagainya

Pada zaman sekarang, tugas wanita tidak hanya terbatas pada penjagaan rumah tangga sahaja, namun wanita telah meneroka dunia sama seperti lelaki (Anas Alam Faizli; Astro Awani, 2017). Malahan tenaga dan sumbangannya amat diperlukan kepada masyarakat serta negara pada zaman yang serba moden kini. Walaupun peranan hakiki seorang wanita adalah sebagai seorang isteri dan ibu, namun wanita juga berperanan penting dalam pembentukan generasi manusia yang bertamadun dan sempurna.

Wanita secara amnya berperanan sebagai ibu, isteri dan juga anggota masyarakat. Sebagai seorang isteri, wanita berperanan untuk mewujudkan keharmonian dan kebahagiaan dalam rumah tangga tersebut. Dengan bantuan dari wanita jugalah yang akan mencorakkan rumah tangga yang didirikan. Seorang isteri yang melaksanakan tugasnya sebagai isteri yang soleh akan mendaat ganjarannya daripada Allah S.W.T. (Bushrah Basiron, 2006)

Pendidikan kerohanian merupakan kewajipan setiap ibu bapa. Namun begitu, penglibatan aktif wanita dalam bidang kerjaya memberi cabaran terhadap perkembangan anak yang sempurna (Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari dan Bushrah Basiron; 2015). Namun, sebagai seorang ibu pula wanita merupakan contoh yang utama dalam membentuk tingkah laku dan peribadi mulia anak-anak. Ibu perlu bijak mendidik, mengasuh serta memberikan nasihat serta mengajar anak-anak supaya dapat membesar dengan sempurna dan berjaya. Sebagai seorang anggota masyarakat





pula, wanita perlu menimba ilmu pengetahuan untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Wanita juga perlu menjaga batas-batas pergaulan dan bertindak dengan bijak dalam melibatkan diri dalam kegiatan yang lebih bermanfaat untuk kemajuan diri, keluarga serta masyarakat (Bushrah Basiron, 2006).

Ensiklopedia Hukum Islam (1996) menjelaskan bahawa wanita ialah salah satu jenis kelamin manusia yang mempunyai sifat atau kurator tertentu dan berlawanan dengan jenis lelaki.

Kedudukan wanita semakin terjamin setelah kedatangan Agama Islam. Wanita pada zaman sebelum kedatangan Islam mendapat kedudukan yang rendah, hina dan memalukan. Agama Islam telah mengangkat posisi wanita menjadi lebih baik, dihormati dan dihargai. Islam sangat melarang penganutnya mewarisi wanita secara paksa sebagaimana terjadi pada zaman jahiliah (Ahmad Nizam Awang, 2008).

Noor Aziah Mohd Awal (2006), berpendapat bahawa wanita ialah makhluk Allah S.W.T. yang dicipta dengan fitrahnya yang tersendiri. Wanita berbeza dengan lelaki bukan sahaja dari segi fizikal malah juga dari segi emosi. Wanita amat cenderung terhadap hiasan rumah, diri atau sesuatu keindahan dan keselesaan. Kebanyakan wanita lebih kepada sesuatu yang telah biasa dilakukan oleh mereka, sukar untuk mencuba sesuatu yang berbeza dan tidak sanggup mengganggu risiko serta cabaran.



Istilah wanita yang akan digunakan dalam kajian ini ialah seseorang yang mampu menjadi seorang isteri kepada suami dan ibu kepada anak-anaknya. Selain itu, wanita yang dimaksudkan dalam kajian ini juga ialah seorang wanita yang mempunyai kerjaya yang bagus disamping memiliki keluarga yang harus diuruskan. Watak bagi wanita dalam bahan kajian (novel) adalah bersesuaian dengan objek kajian (wanita dalam dunia realiti) pada masa ini yang mempunyai banyak tanggungjawab lain selain daripada menguruskan keluarga. Kajian ini akan menganalisis emosi dan cara-cara wanita mengendalikan emosi yang dihadapinya sama ada dalam karya sastera mahupun dunia realiti.

1.9.4 Novel

Nurdiantoro (1991) menyatakan bahawa novel merupakan jenis prosa dalam kesusasteraan. Novel juga disebut sebagai fiksyen dimana dia bersifat rekaan, dan khayalan yang mana perkara tersebut merupakan suatu rekaan dan tidak terjadi dalam dunia nyata. Watak dalam karya, tempat yang disebut dan peristiwa merupakan suatu rekaan yang dibuat oleh pengarang.

Menurut Attenbern dan Lewis dalam Nurdiantoro (1995: p.2), fiksyen dapat dimaksudkan sebagai prosa naratif yang bersifat imaginasi, namun biasanya masuk akal dan mengandungi kebenaran yang mengungkapkan hubungan-hubungan antara manusia yang dikemukakan oleh pengarang berdasarkan pengalaman dan pengamatannya terhadap kehidupan dan dilakukan secara selektif dan dibentuk sesuai

dengan tujuannya yang sekali gus memasukkan unsur hiburan dan peperangan terhadap pengalaman kehidupan manusia.

Perkataan novel pada awalnya berasal dari bahasa Italia, disebut sebagai *novella* yang secara harafiah bermaksud sebuah barang baru yang kecil, dan kemudian diberikan erti sebagai cerita pendek dalam bentuk prosa (Abram dalam Nurdiantoro, 1995: p. 9). Dalam bahasa Jerman disebut sebagai *novella* dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai novel. Istilah tersebut kemudian masuk ke dalam bahasa Indonesia. Dewasa ini istilah *novelle* dan novel mengandung pengertian yang sama dengan istilah yang dalam bahasa Indonesia disebut dengan *novellete* dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *novellete*, yang bermaksud sebuah karya prosa fiksi yang tidak kurang panjangnya, tidak teralu panjang namun juga tidak terlalu pendek (Nurdiantoro, 1995: p.9)

Dalam kajian ini, istilah bagi novel ialah prosa sastera yang dihasilkan melalui imaginasi penulis atau pengarang tersebut. Dalam penghasilan karya tersebut, pengarang mencipta sebuah cerita dalam kepalanya dengan membina watak-watak serta tempat supaya menarik. Jalan cerita diolah oleh pengarang dengan membina kemuncak yang mampu menyentuh hati pembaca.

1.9.5 Kehidupan

Istilah kehidupan yang dipersetujui oleh ahli-ahli sains dan ahli-ahli falsafah tentang makna hidup adalah anggapan bahawa selok-belok hidup (iaitu alam semesta) dapat ditentukan. Oleh sebab itu, makna hidup boleh ialah melalui pemahaman selok-belok alam semesta, termasuknya selok-belok badan manusia.

Makna hidup adalah hal-hal yang dipandang penting, dirasakan berharga dan diyakini sebagai sesuatu yang benar sarta dapat dijadikan tujuan hidupnya. Makna hidup bila berhasil ditemukan dan dipenuhi akan menyebabkan kehidupan ini bermakna dan biasanya individu yang menemukan dan mengembangkannya akan terhindar dari sikap berputus asa (Bastaman, 1996).

Manakala dalam Islam pula, Islam memandang kehidupan dengan kesungguhan serta sikap tanggungjawab. Jika kita memperhatikan pandangan Islam terhadap manusia, kita akan menemui bahawa kehidupan manusia itu mengalami proses penciptaan yang diawali dengan peristiwa Allah menciptakan Adam dari tanah kemudian menyempurnakannya serta meniupkan kepada manusia sebagian dari ruh-Nya. Kemudian Allah memerintahkan malaikat untuk sujud kepadanya (Muhd Abid Ibrahim, Muhd Azrin Azim dan Muhd Farhan, 2014).

Dalam kajian ini, istilah kehidupan yang akan digunakan ialah suatu yang realiti dan diyakini kewujudannya dalam alam semesta. Kehidupan juga mempunyai selok-belok tersendiri yang harus dilalui oleh setiap manusia. Kehidupan dianggap sebagai suatu yang sangat berharga dan penting.

1.9.6 Helah bela diri

Menurut Devidoff (1976), helah bela diri ialah merujuk kepada cara dan tektik seseorang dalam menangani masalah yang dihadapi. Helah bela diri lebih kepada perlindungan ataupun pembelaan diri terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukannya. Terdapat dua jenis helah bela diri iaitu helah bela diri aktif dan helah bela diri pasif. Dalam helah bela diri aktif, terdapat beberapa jenis iaitu sublimasi, rasionalisasi, pemindahan, projeksi, intrijeksi, pembentukan reaksi, kompensasi dan fantasi. Manakala bagi helah bela diri pasif pula meliputi represi, penafian, agresi dan regrasi (Devidoff, 1976).

Helah bela diri yang pertama ialah sublimasi. Sublimasi ialah cara yang mana seseorang menyalurkan kekecewaan, kekecewaan, atau kekosongan yang dialami kepada aktiviti yang lagi sihat. Rasionalisasi pula ialah penjelasan yang diberi oleh seseorang terhadap tingkahlakunya dengan tujuan menyembunyikan tujuan sebenar demi menjaga ego atau harga dirinya. Yang ketiga ialah pemindaan yang bermaksud memindahkan perasaan yang kurang enak daripada sesuatu objek kepada objek yang boleh menerimanya. Yang keempat ialah projeksi, iaitu membalikkan konflik atau kelemahan dalam dirinya kepada orang lain. Seterusnya ialah introjeksi yang membawa maksud menerapkan ke dalam jiwa dirinya dengan menyamakan ciri-ciri orang lain yang disukai dan disanjung. Ciri keenam ialah pembentukan reaksi yang bermaksud menafikan semua keinginan diri yang telah disembunyikan dengan melakukan sesuatu yang bertentangan. Seterusnya kompensasi iaitu melakukan aktiviti yang hampir sama dengan tujuan menggantikan sesuatu aktiviti yang tidak berupaya dilakukannya. Yang terakhir ialah fantasi yang bermaksud membentuk

khayalan atau angan-angan dengan tujuan mengurangkan perasaan yang tidak diingini. (Nur Farah Adila Mohamad, 2015)

Menurut Davidoff (1976) helah bela diri merujuk kepada cara atau taktik seseorang memberi alasan tentang sesuatu tindakannya, sedangkan alasan yang diberikan itu bukan sebab yang sebenarnya.

Manakala Sigmund Freud (1856 – 1939) pula menyatakan helah bela diri digunakan untuk mengubah fokus perhatian atau memasuki alam fantasia atau melakukan tindakan tertentu untuk mengurangkan kerisauan. Helah bela diri juga sebagai pelindung atau pembela bagi konsep sendiri dengan menyamakan perkara tidak boleh diterima oleh diri.

Dalam kajian ini, istilah helah bela diri yang digunakan ialah cara seseorang menangani masalah serta yang dihadapinya. Mereka melakukan sesuatu keputusan untuk bertindak balas diatas apa yang sedang dialaminya pada saat itu. Kemungkinan mereka akan meminta bantuan daripada orang lain untuk sama-sama menyelesaikan masalah tersebut ataupun mereka akan mengambil keputusan untuk bertindak mengikut kemampuan dirinya. Tindakan yang diambil kemungkinan dari sudut positif ataupun sebaliknya.

1.9.7 Watak

Menurut Kamus Dewan (2007: 1802) watak ialah sifat (seseorang) yang zahir dan batin (merangkumi budi pekerti dan tabiatnya, tingkah lakunya, jiwanya dan pemikirannya). Watak juga merupakan tokoh atau pelaku dalam karya sastera (novel, cerpen, drama). Watak juga merupakan sebagai pelaku dan tokoh-tokoh rekaan yang menggerakkan sesebuah plot cerita. Biasanya watak yang sering diwujudkan dalam karya ialah manusia, binatang dan benda.

Maksud watak yang dijelaskan oleh Mana Sikana (1988) ialah orang atau pelaku yang menggerakkan plot cerita dan seterusnya akan menggerakkan tema. Watak juga disebut tokoh. Dalam penceritaan, watak akan beraksi, bertindak, berkonflik dan melonjakkan isi yang hendak disampaikan oleh penulis. Dalam penceritaan, aspek pengkaryaan menjadi pusat penceritaan dan cerita akan berada di sekitar watak selanjutnya plot akan berkembang berdasarkan gerakan watak.

Istilah watak yang akan digunakan dalam kajian ini ialah pelaku yang meenggerakkan plot cerita dan seterusnya menggerakkan tema dalam sesebuah novel atau karya sastera.

1.9.8 Novel Popular

Mohamad Mokhtar Hassan (2010) menyatakan bahawa, definisi dan konsep sastera popular yang pertama ialah karya popular dibaca oleh ramai pembaca. Yang kedua, dibaca semata-mata untuk hiburan. Ketiga ialah, karya tersebut dijual untuk tujuan



komersial dan yang terakhir ialah karya sastera yang diterbitkan tidak mementingkan nilai-nilai estetikanya. Selain itu, kajian tersebut mengakui bahawa sesebuah novel sukar untuk dikategorikan sebagai karya popular. Namun, dalam menentukan kepopularan seseorang penulis, salah satu ukuran yang dapat digunakan ialah berdasarkan soal selidik.

Selain itu, terdapat juga artikel yang berkaitan bengkel sastera dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berjudul *Novel Popular: Antara Komersialisme dengan Intelektualisme* oleh Md. Taib Nordin (2006). Dalam artikel tersebut, novel popular dinyatakan mempunyai kemampuan mempengaruhi khalayak kerana terdapat kelebihan yang tersendiri dan mempunyai kekuatan dari segi gaya penceritaan, teknik, imaginasi yang dihidupkan, perasaan yang dilangsungkan, kepelbagaian lukisan watak dan dunia pengembaraan yang memenuhi keinginan masyarakat pembaca. Dalam bengkel tersebut, terdapat beberapa bukti bahawa karya popular mengandungi nilai-nilai sastera yang boleh diangkat dan jika diasuh serta digilap bakat penulisnya mampu melahirkan karya sastera serius yang bersifat intelektual. Karya mereka bukan sekadar cerita cinta semata-mata tetapi sarat dengan maklumat yang dapat menambahkan pengetahuan pembaca.

Mawar Safei et. al (2008) menyatakan bahawa lima novel yang dirumuskan sebagai novel popular ialah *Bicara Hati* (Damya Hana), *Kau Untukku* (Aisya Sofea), *Jendela Hati* (Aisya Sofea), *Kau Yang Satu* (Nia Azalea) dan *Manisnya Cinta* (Anis Ayuni). Dapatan bagi kajian tersebut adalah dua bentuk yang mempengaruhi kuasa beli dan milik novel popular iaitu 1. ciri luaran yang terdiri daripada penerbit, promosi, pengarang dan pakej pada novel, 2. ciri dalaman yang terdiri daripada





tema/persoalan, watak/perwatakan dan teknik penulisan. Ciri luaran sangat mempengaruhi kedudukan genre ini. Sementara ciri dalaman bertindak sebagai pemangkin iaitu tema percintaan muda mudi, konflik perkahwinan dan kekeluargaan, watak fizikal yang menarik, berpendidikan tinggi, gaya hidup bandar, gengsi dan elit. Selain itu, plot yang senang difahami dengan unsur kebetulan, penggunaan bahasa kolokial yang terapung-apung antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Ciri-ciri tersebut adalah sangat sesuai dengan tuntutan peribadi remaja.

1.9.9 Korelatif Objektif

Menurut Elliot (dalam Nordiana Hamzah, 2014) korelatif objektif ialah penentuan untuk mengesan emosi dalam karya. Hal ini boleh dilihat menerusi peikan:

The only way of expressing an emotion in the form of art is by finding an objective correlative: in other words, a set of objects, a situation, a chain of events which shall be the formula of that particular emotion; such that when the external facts, which must terminate in sensory experience, are given, the emotion is immediately evoked.

Kajian ini menggunakan definisi korelatif objektif Sohaimi Abdul Aziz iaitu penentu yang digunakan oleh pengarang dalam melahirkan karya. Sehubungan dengan itu, korelatif objektif digunakan sebagai penentu yang menghubungkan antara emosi tetap dengan ekspresi sastra.



1.10 Organisasi Tesis

Dalam merangka tesis ini, penstrukturan telah dilakukan. Tesis ini mengandungi lima bab iaitu setiap bab diperincikan seperti berikut:

Bab satu ialah bahagian pengenalan yang terdiri daripada sembilan tajuk kecil iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi, definisi operasional dan rumusan.

Bab dua ialah kajian tinjauan lepas yang menceritakan aspek emosi dan tingkah laku yang menjadi asas dalam kajian ini. Seterusnya, kajian lepas yang berkaitan dengan emosi sastera diperlihatkan. Kajian tentang psikologi dalam karya turut dimuatkan. Aplikasi penggunaan Teori gabungan dari Nordiana (2014) iaitu gabungan antara teori Rasa-fenomenologi dan teori Psikoanalisis Sigmund Freud juga terdapat dalam tinjauan kepustakaan.

Bab tiga merupakan metodologi kajian yang terdiri daripada kerangka teori iaitu teori gabungan (Rasa-fenomenologi dan Psikoanalisis). Dalam bab ini juga memperlihatkan cara teori gabungan tersebut daplikasikan dalam meneliti aspek emosi dan tingkah laku watak protagonis dan wanita dalam masyarakat sebenar. Jenis-jenis emosi dalam teori gabungan juga diperlihatkan.

Bab empat menekankan aspek pengaplikasian teori dalam meneliti emosi dalaman watak protagonis yang berkembang dan juga emosi wanita dalam masyarakat realiti. Bab lima pula merupakan kesimpulan dari segi analisis dengan mengemukakan jawapan bagi setiap soalan kajian.

1.11 Rumusan

Kajian ini akan menjalankan penelitian terhadap emosi pada watak protagonis dalam novel-novel yang dipilih dan juga melihat kepada helah bela diri yang diambil oleh watak tersebut dalam menangani setiap emosi dan masalah yang dihadapinya. Penelitian yang sama juga akan dibuat pada wanita yang dalam lingkungan umur 21 hingga 35 tahun pada aspek yang sama seperti penelitian terhadap novel. Hal ini bertujuan untuk melihat kesinambungan bagi situasi yang sama terhadap karya sastera dan dunia realiti.

Penelitian terhadap aspek emosi akan dilakukan oleh pengkaji menggunakan pendekatan gabungan yang telah dibina oleh Nordiana (2014). Pendekatan tersebut merupakan suatu gabungan elemen yang terdapat dalam teori Rasa-fenomenologi yang dibina oleh Sohaimi Abd Aziz dan teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud.